



# UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Pejabat Pendaftar  
Aras 4, Blok Selatan, Bangunan Canselor

## PEJABAT PENDAFTAR

Ruj. Kami :

Tarikh : **UMS/PN 2.1/P5/2 Jilid II**

*27* hb November 2000

BEG BERKUNCI NO. 2073

88999 KOTA KINABALU

SABAH

Tel. : 088-438440 samb. 1417

Faks: 6088-320243

E-mail: [papenums@ums.edu.my](mailto:papenums@ums.edu.my)

Laman web: <http://www.ums.edu.my>

## PEKELILING PENDAFTAR BIL. 02/2000

Pemangku Pengarah UMS Kampus Antarabangsa Labuan

Bendahari

Ketua Pustakawan

Dekan Pusat Pengajian Pasca Siswazah

Dekan Sekolah Sains dan Teknologi

Dekan Sekolah Sains Sosial

Pemangku Dekan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi

Dekan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa

Dekan Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat

Dekan Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial

Dekan Sekolah Sains Makanan dan Pemakanan

Dekan Sekolah Perhutanan Tropika Antarabansa

Dekan Sekolah Pengajian Seni

Pengarah Institut Penyelidikan Marin Borneo

Pengarah Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan

Pengarah Pusat Matrikulasi

Timbalan Pendaftar (Pembangunan dan Penyelenggaraan)

Penolong Pendaftar (Akademik)

Pegawai Keselamatan

*Assalamualaikum wa rahmatullahi wa barakatuh*

YBhg. Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan

## NAKTU BEKERJA PADA BULAN RAMADHAN

Sukacitalah saya menarik perhatian YBhg. Prof. Dato'/Datin/tuan/puan berhubung dengan perkara tersebut di atas.

Sila maklum bahawa sepanjang bulan ramadhan ini, waktu bekerja bagi kakitangan yang beragama Islam pada hari Isnin hingga Jumaat adalah sehingga pukul 4:00 petang. Walau bagaimanapun, sila ambil perhatian bahawa kebenaran balik bekerja pada pukul 4:00 petang tersebut adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut dipenuhi iaitu:

- a. Kakitangan telah mendapat kebenaran Dekan/Ketua Jabatan masing-masing; dan
- b. Rumah kakitangan adalah terletak jauh daripada tempat kakitangan tersebut bekerja dan mempunyai masalah untuk sampai ke rumah sebelum/pada waktu berbuka puasa.

Walau bagaimanapun, kakitangan yang dibenarkan balik pada pukul 4:00 petang tersebut hendaklah menggantikan kekurangan waktu bekerja 30 minit yang ada pada waktu rehat tengahari. Oleh yang demikian, waktu bekerja kakitangan tersebut adalah **mulai pukul 8:00 pagi hingga pukul 1:30 petang dan pukul 2:00 petang hingga pukul 4:00 petang (Isnin hingga Khamis)**. Manakala pada hari Jumaat pula masanya adalah mulai pukul 8:00 pagi hingga pukul 11:30 pagi dan pukul 2:00 petang hingga pukul 4:00 petang.

Sehubungan dengan itu, sukacita sekiranya YBhg. Prof. Dato'/Datin/tuan/puan dapat memaklumkan perkara ini kepada semua pegawai/kakitangan di bawah pengawasan YBhg. Prof. Dato'/Datin/tuan/puan.

Sekian dan Selamat Berpuasa.

**'BERTEKAD CEMERLANG'**

Yang ikhlas



**HELA LADIN MOHD. DAHALAN**

Pendaftar

b.p. Naib Canselor

- s.k. - Naib Canselor  
- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Pembangunan)  
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar)

Bb/surat-surat/p5